



UPM Terima Sumbangan 1,200 Naskah Buku Bahasa Cina



Lee (kiri) memberi bukunya kepada Ketua Pustakawan UPM, Amir Hussain (tengah) sebagai tanda sumbangan.

SERDANG, 16 Disember – Koleksi Khas Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima sejumlah 1,200 judul naskah sastera rujukan bahasa Cina bernilai RM60 ribu daripada Lee Kim Siew, 75, baru-baru ini.

Bekas guru besar Chi Wen Private Secondary School, Bahau, Negeri Sembilan, itu menyerahkan sebahagian daripada 36,000 koleksi peribadinya setelah mendapati perpustakaan UPM masih kekurangan bahan rujukan bahasa Cina ketika beliau mengunjungi perpustakaan itu sebelum ini.

“Saya berharap sumbangan ini boleh dijadikan rujukan oleh para pelajar dan pensyarah yang mengambil jurusan pengajian Bahasa Cina di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM,” katanya ketika menghadiri Majlis Penyerahan Buku Hadiah Bahasa Cina untuk Koleksi Khas perpustakaan itu.



Beliau memilih untuk tidak menurunkan warisan buku-buku tersebut kepada anak-anaknya kerana mereka merupakan graduan jurusan Sains dan tidak berminat mendalami bidang sastera bahasa Cina.

Lee turut menyumbang buku-bukunya ke perpustakaan di beberapa negara antaranya di Thailand, China dan Malaysia malah perpustakaan UPM merupakan universiti tempatan pertama menerima sumbangan itu.

Ketua Pustakawan UPM, Amir Hussain Md. Ishak berkata sumbangan buku itu merupakan sumbangan terbesar yang diterima oleh pihaknya pada tahun ini.



Lee Kim Siew.

“Sumbangan seperti ini merupakan satu cara perkongsian dan penyebaran ilmu sesama masyarakat dan ia boleh menjadi contoh kepada pihak yang turut ingin menyumbangkan buku-buku mereka di masa akan datang,” katanya.

Pada masa kini Perpustakaan UPM memiliki 2,253 judul buku dan 4,153 buku bahasa Cina di bahagian Koleksi Khas.

Koleksi Khas yang diwujudkan pada tahun 1997, hasil percantuman koleksi-koleksi Malaysiana, Buku Berbintik Merah, Tesis, Kertas Projek, Pendidikan Jarak Jauh, dan Koleksi Prof. Chin.

Pada tahun 2001, koleksi ini telah berkembang dan menempatkan buku-buku yang ditulis di dalam bahasa asing, selain daripada Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Koleksi ini meliputi buku berbahasa Arab, Cina, Jepun, dan lain-lain di dalam pelbagai bidang perkara.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Mohd Faisal Md Noor/Nur Suhada Anuar (wartawan pelatih) 03-89466154, Marina Ismail 03-89466199).